

## Inovasi Perubatan Melalui Terapi al-Quran Terhadap Kanak-Kanak Autisme

Nurhayati Syazwani Zulkafli<sup>1</sup>, Latifah Abdul Majid<sup>2</sup> & Hamdi Ishak<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>helza\_94@yahoo.com; <sup>2</sup>umilm@ukm.edu.my; <sup>3</sup>hamdi@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>2</sup>Prof. Madya di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>3</sup>Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

### Abstrak

Autisme adalah individu yang tergolong dalam *neuro-developmental disorder* iaitu mengalami kecacatan yang berkait dengan sistem saraf dan otak. Keadaan ini juga menyebabkan mereka sering berada dalam dunia mereka sendiri tanpa menghiraukan keadaan sekeliling. Kanak-kanak yang menghidap simptom ini mempunyai masalah dalam tingkah laku, emosi dan pertuturan. Terdapat pelbagai kaedah yang telah digunakan bagi membantu kanak-kanak autisme termasuklah terapi al-Quran. Terapi al-Quran ialah kaedah yang menggunakan bunyi berbentuk ayat-ayat al-Quran dalam merawat dan menangani sesuatu masalah kesihatan. Terapi al-Quran telah terbukti dapat menyembuhkan pelbagai penyakit seperti tekanan perasaan dan strok. Terapi ini juga boleh digunakan dalam merawat kanak-kanak autisme kerana dengan mendengar bacaan ayat al-Quran sahaja dapat memberi kebaikan kepada seseorang walaupun bacaan tersebut tidak difahami. Artikel ini bertujuan mengkaji kesan terapi al-Quran terhadap kanak-kanak autisme. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan literatur di mana kajian-kajian terdahulu yang berkaitan autisme dan terapi al-Quran telah diteliti dan dibuat tinjauan. Data-data yang dikumpulkan dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif untuk menghuraikan serta memberi penerangan yang sistematik mengenai sesuatu fakta. Hasil kajian menunjukkan bahawa al-Quran mengutarakan pelbagai inovasi dalam perubatan yang perlu diambil perhatian oleh umat Islam.

**Kata kunci:** *Terapi al-Quran, Tingkah Laku, Emosi, Pertuturan, Autisme*

### Medical Innovation Through Quran Therapy On Autistic Children

#### Abstract

Autism is an individual that belongs to neuro-developmental disorder where they are experiencing disabilities associated with the nervous system and the brain. This condition also causes them to be in their own world regardless of their surroundings. Children with this symptom have problems in behavior, emotion and speech. There are various methods that have been used to help autism's children including Quran therapy. Quran therapy is a method of using sound in the form of Quranic verses in treating health problems. Quran therapy has been proven in curing and healing various diseases such as stress and stroke. This therapy also can be used in treating autistic children because listening to the Quranic verses also give benefit to the individual even though that person does not understand the meaning of Quran verses that being read. This article was conducted to study the effects of the Quranic therapy on autistic children. The method used in this study was a literature review where previous studies related to autism and Quran therapy were investigated and surveyed. The data collected in this study were analyzed using descriptive method to describe the facts in a systematic explanations. The findings show that the Quran give various innovations in medicine field which are Muslims need to give fully attention to it.

**Keywords:** *Quran Therapy, Behaviour, Emotion, Speech, Autism*

#### 1. Pengenalan

Kanak-kanak istimewa terdiri daripada pelbagai jenis iaitu kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya fizikal, masalah pembelajaran, kurang upaya mental dan kurang upaya pelbagai. Autisme adalah salah satu kategori kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran. Istilah autisme berasal daripada perkataan “*autos*” yang membawa maksud diri sendiri manakala “*isme*” bermaksud aliran. Autisme ialah keadaan individu yang berada dalam dunianya sendiri sepanjang masa tanpa menghiraukan orang lain (Wan Nasyrudin dan Hisham 2013). Autisme mula dikesan oleh Leo Kanner pada tahun 1943. Antara

ciri utama autisme ialah mempunyai masalah pertuturan, tingkah laku, interaksi sosial dan emosi (K.A. Razhiyah 2008).

Terapi ialah salah satu kaedah dalam membantu seseorang untuk menghadapi aktiviti dan kemahiran yang dilakukan (Yasmin 2013). Manakala terapi bagi kanak-kanak berkeperluan khas ialah kaedah bagi membantu mereka dari segi kognitif, emosi, sosial dan psikomotor dalam pembelajaran. Terapi sangat penting kepada kanak-kanak autisme kerana dapat meningkatkan kemahiran perhatian, kemahiran sosial serta menambahkan keyakinan diri di samping dapat membantu dalam komunikasi dan emosi. Terdapat pelbagai jenis terapi yang telah digunakan ke atas kanak-kanak autisme dalam menyembuhkan serta membantu mereka menjalani kehidupan seharian antaranya ialah terapi air, terapi carakerja, terapi main, terapi pasir, terapi bunyi, terapi al-Quran dan lain-lain. Kajian ini hanya memfokuskan kepada terapi al-Quran.

Al-Quran adalah sumber utama kepada umat Islam untuk dijadikan panduan kepada mereka bagi mencapai kebahagiaan dan kejayaan di dunia maupun di akhirat. Bacaan al-Quran telah terbukti memberi kesan positif kepada sesiapa sahaja yang membaca dan mengikuti ajarannya. Pembelajaran al-Quran kepada kanak-kanak amat penting kerana dapat mendidik jiwa mereka dalam memupuk rasa cinta terhadap al-Quran di samping dapat membentuk tingkah laku mereka. Oleh itu, pembelajaran al-Quran mestilah diterapkan dalam diri kanak-kanak sejak kecil lagi.

Begitu juga dengan pembelajaran al-Quran bagi kanak-kanak istimewa. Kita sering melihat kanak-kanak istimewa lebih cenderung dengan pembelajaran dalam bidang akademik berbanding pembelajaran al-Quran. Hakikatnya, kanak-kanak istimewa ini juga mempunyai hak yang sama seperti kanak-kanak tipikal yang lain dari sudut pembelajaran al-Quran. Mereka perlu diajar untuk membaca dan menghayati al-Quran seperti kanak-kanak tipikal kerana al-Quran diturunkan kepada semua lapisan masyarakat termasuklah kanak-kanak istimewa. Justeru itu, kajian ini membincangkan penggunaan terapi al-Quran dalam memulihkan dan mengubati kanak-kanak autisme.

## **2. Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur di mana kajian-kajian terdahulu yang berkaitan konsep autisme dan terapi al-Quran telah diteliti dan dibuat tinjauan. Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat kajian yang dilakukan untuk melihat intervensi terapi al-Quran terhadap tingkah laku kanak-kanak autisme (Eva Dwi Mayrani dan Elis Hartati 2013). Terdapat juga kajian mengenai terapi bunyi melalui bacaan al-Quran dalam menangani masalah emosi, dan kemahiran motor pertuturan kanak-kanak autisme (Siti Patonah, M.Y.Zulkifli dan Durriyyah Sharifah 2013). Selain itu, ada juga kajian yang dilakukan untuk melihat kesan terapi agama sebagai salah satu alternatif untuk mendapatkan pendidikan terbaik bagi kanak-kanak autisme (Husni Fithri 2011).

## **3. Konsep Autism**

Autisme adalah gangguan mental yang berlaku terhadap kanak-kanak sehingga menyebabkan mereka berkelakuan tidak normal dan mengalami kesukaran dalam menyesuaikan diri terhadap persekitaran (Wan Faridah Fairus 2012). Menurut Centres for Disease Control and Prevention (CDC), nisbah kanak-kanak yang menghidap simptom autisme meningkat sebanyak 15 peratus di mana data yang telah dikeluarkan pada tahun 2018 menunjukkan 1 daripada 59 kanak-kanak dikenal pasti mempunyai autisme. Statisitik ini juga menyatakan 1 daripada 37 adalah terdiri daripada kanak-kanak lelaki manakala 1 daripada 151 merangkumi kanak-kanak perempuan. Statistik di Malaysia pula menunjukkan kira-kira 47000 daripada rakyat Malaysia menghidap sindrom autisme dan dianggarkan bahawa 1 daripada 600 orang kanak-kanak di Malaysia dilahirkan sebagai autisme (Puteri Roslina dan Nurul Haniza 2016). Simptom autisme dapat dikenalpasti seawal usia 2 atau 3 tahun.

Pelbagai kajian telah dijalankan oleh penyelidik di seluruh dunia bagi mengetahui punca sebenar berlakunya sindrom autisme ini. Siti Patonah, M.Y. Zulkifli dan Durriyyah Sharifah (2014) telah menyatakan faktor persekitaran dan genetik merupakan salah satu punca autisme di mana berkemungkinan sebuah keluarga untuk mendapat anak autisme semakin meningkat apabila seorang anak telah disahkan menghidap autisme. Di samping itu, punca lain adalah bahan kimia seperti ubat penenang dalam kadar sederhana yang diambil oleh ibu di awal kandungan mampu meningkatkan simptom autisme. Autism juga boleh terjadi jika terdedah kepada bahan toksik atau keracunan arsenik yang menyebabkan kanak-kanak menghadapi masalah sistem imun lemah, masalah gangguan tidur, masalah koordinasi motor dan sebagainya.

Kanak-kanak autisme secara fizikalnya kelihatan sempurna namun perkembangan mereka berbeza dengan kanak-kanak normal yang lain. Terdapat tiga kriteria utama yang ditunjukkan oleh individu yang menghidap autisme antaranya ialah masalah tingkah laku, masalah emosi dan masalah dalam pertuturan. Tingkah laku kanak-kanak autisme bersifat ganjil dan pelik di pandangan orang kerana tingkah laku yang ditunjukkan oleh kanak-kanak ini berbeza dengan kanak-kanak tipikal yang lain. Wan Nasryudin dan Hisham (2013) menyatakan kebanyakan kanak-kanak autisme memiliki tingkah laku hiperaktif di mana mereka tidak boleh duduk diam dan berlari ke sesuatu tempat tanpa arah tujuan. Mereka juga sering kali melakukan sesuatu pergerakan dengan berulang kali seperti berpusing-pusing, menepuk serta mengepakkan tangan. Di samping itu, kanak-kanak autisme turut menunjukkan tingkah laku yang agresif misalnya tantrum iaitu perbuatan menjerit, memukul dan mencederakan diri sendiri. Hal ini terjadi apabila mereka didehadkan dengan persekitaran yang berbeza berbanding dengan persekitaran yang sering mereka lalui.

Menurut Norfishah (2013), kanak-kanak autisme menghadapi kesukaran dalam berkomunikasi kerana tahap pertuturan mereka sangat rendah. Sesetengah daripada kanak-kanak autisme mampu menggerakkan bibir untuk menyatakan sesuatu perkara tetapi suara mereka tidak didengari dan tidak difahami oleh orang lain. Mereka juga tidak dapat memahami percakapan orang lain disebabkan kerencatan akal yang dihidapi oleh mereka. *Echolalia* juga kebiasaannya berlaku terhadap kanak-kanak autisme di mana mereka seringkali mengajuk serta mengulangi perkataan dan ayat yang disebut oleh seseorang.

Selain itu, kanak-kanak autisme menunjukkan ciri masalah emosi seperti tidak mempamerkan sebarang reaksi dan mimik muka semasa bercakap dengan seseorang (K.A. Razhiyah 2009). Mereka juga tidak tahu melahirkan perasaan seperti sedih, gembira dan kecewa berbanding dengan kanak-kanak yang normal. Majoriti daripada kanak-kanak autisme tidak tahu cara untuk melahirkan perasaan yang halus. Oleh itu, mereka hanya melahirkan perasaan secara agresif dan ekstrim. Mereka juga sukar untuk memahami perasaan orang lain.

#### **4. Terapi Al-Quran**

Al-Quran adalah mukjizat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad s.a.w bagi memandu serta membimbang manusia dalam menjalani kehidupan mereka sama ada di dunia maupun akhirat. Al-Quran mengandungi pelbagai nada huruf serta susunan huruf yang harmoni di mana akan memberi kesan positif kepada sesiapa yang membaca dan mengamalkannya. Al-Quran juga membawa manfaat besar kepada manusia seperti mengandungi penyembuh yang dapat merawat pelbagai penyakit sebagaimana firman Allah SWT:

Maksudnya:

*Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Qur'an, ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Qur'an tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga.*

(Surah al-Isra' 17:82)

Sayyid Qutb (2010) telah menyatakan bahawa dalam al-Quran terdapat penawar yang boleh menghapuskan perasaan ragu-ragu dan gelisah kerana al-Quran menghubungkan hati manusia dengan Allah SWT sehingga mampu memberi keamanan dan ketenangan kepada manusia. Ibn Qayyim al-Jauzi mengatakan bahawa al-Quran merupakan penyembuh yang sempurna bagi semua penyakit sama ada penyakit jasmani maupun rohani. Menurut beliau lagi, jika seseorang yang mengalami kesakitan sentiasa konsisten berubat dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran maka mereka akan mendapat kesembuhan (Salman Rusydie dan Arina 2011).

Terapi al-Quran ialah kaedah yang menggunakan bunyi berbentuk ayat-ayat al-Quran dalam merawat dan menangani sesuatu masalah kesihatan. Terapi al-Quran dapat memberi ketenangan dan penawar kepada sesiapa sahaja yang mendengarnya (Normardina 2015) di mana ayat-ayat al-Quran mempunyai frekuensi suara dan gelombang tersendiri yang mampu mempengaruhi serta menyembuhkan sel-sel otak yang telah rosak (Kahel 2010). Memperdengarkan ayat al-Quran secara berulang kali pula terbukti memberi kesan yang positif terhadap manusia seperti dapat menangani masalah emosi, mental dan lain-lain.

Kaedah terapi al-Quran bertindak berdasarkan konsep terapi bunyi atau getaran suara sehingga menyebabkan tubuh manusia turut bergetar dan memberi tindak balas seterusnya mewujudkan pola-pola getaran harmoni yang berhasil daripada ayat-ayat al-Quran yang dibaca atau didengar (Norsiah dan Siti Naqiah 2015). Di samping itu, membaca dan mendengar bacaan al-Quran dapat memberikan tenaga terhadap sel-sel yang kurang aktif serta bertindak balas dalam menyembuhkan penyakit yang dihidapi oleh manusia. Hal ini

disebabkan terapi ini menggunakan sistem pendengaran yang mana sistem ini boleh mengaktifkan sistem otak dan secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan kesihatan seseorang.

Sistem pendengaran adalah pancaindera yang sangat penting kerana telinga berfungsi mengawal keseimbangan tubuh badan manusia. Apabila pancaindera ini mengalami gangguan maka segala gerak kerja tubuh badan yang lain turut terganggu. Terdapat beberapa ayat al-Quran menunjukkan bahawa deria pendengaran telah mendahului fungsi deria yang lain di mana deria pendengaran juga merupakan medium pertama yang dititikberatkan kepada seorang bayi yang baru dilahirkan, iaitu dengan mengalunkan azan di telinga kanan dan iqamah di telinga kiri supaya bayi tersebut mendengarkan perkataan yang baik dan terhindar daripada gangguan syaitan (Muhammad Sholikhin 2010). Ini berdasarkan firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

*Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun; dan dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati agar kamu bersyukur.*

(Surah al-Nahl 16:78)

Sistem deria pendengaran telah bermula pada minggu pertama semenjak kelahiran bayi manakala deria penglihatan pula bermula pada bulan ketiga selepas kelahiran. Fungsi deria pendengaran ini dapat dilihat apabila seseorang bayi diperdengarkan sesuatu bunyi, mereka akan memberi tindak balas kepada bunyi tersebut (Mohamed Akhiruddin, M.Y.Zulkifli dan Azniwati 2012).

Menurut kajian Dini Farhana dan Melati (2011), terapi bunyi menggunakan bacaan al-Quran memberi kesan efektif kepada tubuh badan manusia di mana dengan mendengar ayat-ayat al-Quran dapat memberikan ketenangan serta mengurangkan masalah tekanan yang dialami oleh seseorang individu berbanding terapi bunyi yang lain. Oleh itu, al-Quran meliputi seluruh aspek kehidupan manusia termasuklah menjadi penawar kepada pelbagai penyakit sama ada jasmani atau rohani.

## 5. Kesan Inovasi Perubatan Melalui Terapi Al-Quran Terhadap Kanak-Kanak Autisme

### 5.1 Kesan Terhadap Emosi dan Tingkah Laku

Penggunaan terapi al-Quran ialah satu cara yang digunakan dalam meningkatkan emosi dan membentuk tingkah laku kanak-kanak autisme. Terapi melalui bacaan ayat-ayat al-Quran yang diperdengarkan kepada kanak-kanak autisme secara berterusan boleh membiasakan mereka dengan ayat-ayat yang baik seterusnya mampu memperbaiki emosi kanak-kanak autisme (Siti Patonah, M.Y. Zulkifli dan Durriyyah Sharifah 2013). Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan bagi melihat kesan terapi al-Quran terhadap emosi dan tingkah laku kanak-kanak autisme antaranya kajian Eva Dwi Mayrani dan Elis Hartati (2013) yang memperlihatkan penurunan terhadap gangguan tingkah laku yang dialami oleh kanak-kanak autisme setelah diperdengarkan bacaan ayat-ayat al-Quran.

Kaedah terapi al-Quran dapat membantu kanak-kanak autisme mengawal emosi dan gerakan tubuh serta mampu mengekspresikan emosi mereka dengan betul. Hal ini kerana terapi bunyi melalui bacaan ayat-ayat al-Quran menghasilkan gelombang delta ke bahagian otak manusia yang mana gelombang ini berfungsi memberikan ketenangan kepada kanak-kanak autisme sehingga mampu mempengaruhi dan mengawal gerakan tubuh mereka.

Selain itu, kajian Husni Fithri (2011) menunjukkan bahawa memerdengarkan bacaan ayat-ayat al-Quran kepada kanak-kanak autisme sebelum memulakan sesi pembelajaran memberi kesan efektif kerana kanak-kanak ini menjadi lebih tenang, boleh duduk diam dalam kelas serta dapat mengurangkan pergerakan menepuk dan mengepakkan tangan. Ciri-ciri perkataan arab yang terdapat dalam al-Quran pula menjadikan kanak-kanak autisme lebih memberi perhatian dan fokus untuk membaca al-Quran. Tambahan pula, kanak-kanak autisme mampu mengawal emosi mereka di mana mereka kurang *tantrum* (mengamuk) ketika sesi pembelajaran dijalankan.

### 5.2 Kesan Terhadap Pertuturan

Terapi al-Quran juga memberi kesan terhadap pertuturan kanak-kanak autisme kerana apabila kanak-kanak ini diajar untuk membaca al-Quran ianya mampu memperbaiki dan meningkatkan pertuturan mereka. Bacaan ayat-ayat al-Quran ini juga dijangka menjadi terapi bagi ingatan untuk kanak-kanak autisme dan disebut melalui pertuturan dan secara tidak langsung dapat membantu pertuturan kanak-kanak autisme (Siti Patonah,

M.Y. Zulkifli dan Durriyyah Sharifah 2013). Di samping itu, kanak-kanak autisme akan mempelajari untuk menyebut perkataan yang terdapat dalam al-Quran dengan ciri-ciri huruf yang betul di mana kaedah ini boleh membantu melatih mulut mereka untuk bercakap sesuatu perkara seterusnya akan memberi kesan yang baik terhadap kemahiran pertuturan mereka (Husni Fitri 2011).

Bacaan al-Quran memberi kesan sebagai terapi kepada kanak-kanak autisme kerana mendengar bacaan ayat-ayat al-Quran sama ada faham ataupun tidak tetap memberi kesan positif kepada mereka sehingga berupaya menyebut bacaan ayat-ayat al-Quran tersebut dan menjadi sebahagian daripada terapi pertuturan (Mohd Amzari et. al 2013).

## 6. Kesimpulan

Terapi al-Quran ialah satu inovasi yang boleh digunakan untuk merawat dan menyembuhkan pelbagai penyakit sama ada jasmani mahupun rohani. Huruf-huruf al-Quran mempunyai I'jaz Tathiri yang mampu memberi kesan yang positif kepada sesiapa yang membaca dan mengamalkannya. Justeru itu, membaca dan mendengar bacaan al-Quran dapat memberikan tenaga terhadap sel-sel yang kurang aktif serta bertindak balas dalam menyembuhkan penyakit yang dihidapi oleh manusia. Kajian-kajian lepas telah membuktikan terapi al-Quran telah digunakan untuk menangani masalah kesihatan seperti tekanan perasaan, kemurungan, psikologi, emosi, strok dan otak.

Inovasi perubatan melalui terapi al-Quran juga memberi kesan yang efektif terhadap kanak-kanak autisme di mana dapat meningkatkan emosi, membentuk tingkah laku serta membantu kemahiran pertuturan mereka ke tahap yang lebih baik walaupun bacaan ayat-ayat al-Quran tersebut tidak difahami oleh mereka.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abduddaim Kahel. 2010. *Terapi Ayat Suci: Terapi Al-Quran Untuk Hidup Sihat*. Selangor: Darul Quran Nurul Hasanah.
- Centres for Disease Control and Prevention. 2018. Estimated Autism Prevalence 2018. <https://www.autismspeaks.org/science-news/cdc-increases-estimate-autisms-prevalence-15-percent-1-59-children> [20 September 2018].
- Dini Farhana Baharudin dan Melati Sumari. 2011. The Effect of Sound Therapy In Increasing Calmness and Reducing Stress On Working Muslim Women In Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences*.
- Eva Dwi Mayrani & Elis Hartati. 2013. Intervensi Terapi Audio Dengan Murottal Surah Al-Rahman Terhadap Perilaku Anak Autis. *Jurnal Keperawatan Soedirman*. Julai. 8(2): 69-76.
- Husni Fitri. 2011. Religious Therapy as One of an Alternative Ways in Getting Educational Betterment for Children with Autism Spectrum Disorder. *Proceedings Social and Behavioral Sciences*, hlm. 1782-1787.
- K. A. Razhiyah. 2008. *Apa Itu Autisme?*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Mohd Amzari Tumiran et al. 2013. Addressing Sleep Disorder of Autistic Children with Qur'anic Sound Therapy. 5(8A2): 74-79.
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff & Azniwati Abdul Aziz.2012. Kemukjizatan Biologi dalam Al-Quran Dari Perspektif Sains: Satu Tinjauan. *Proceedings The 2<sup>nd</sup> Annual International Qur'an Conference 2012*, hlm.213-224.
- Muhammad Sholikhin 2010. *Ritual Dan Tradisi Islam Jawa: Ritual-Ritual Dan Tradisi- Tradisi Tentang Kehamilan, Kelahiran, Pernikahan, dan Kematian Dalam Kehidupan Sehari-Hari Masyarakat Islam Jawa*. Yogyakarta: Narasi.
- Norfishah Mat Rabi. 2015. *Rahsia dan Keunikan Personaliti Kanak-Kanak Autistik Di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Normardina Abdul Rahim. 2015. Sound Therapy Using Quranic Verse In Increasing The Calmness and Reducing Stress On Final Year Students In UNIMAS. Tesis Sarjana Muda, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak.

- Norsiah Fauzan & Siti Naqiah Shahidan. 2015. Al-Quran untuk Terapi Minda dan Penyembuhan: Kajian menggunakan Quantitative Electroencephalograph. Disember. 5(2): 99-109.
- Puteri Roslina Abdul Wahid & Nurul Haniza Samsudin. 2016. *Bahasa dan Kanak-Kanak Autisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salman Rusydie Anwar & Arina Darmawis. 2011. *Sembuh dengan Al-Quran*. Selangor: S. A. Majeed & Co. Sdn. Bhd.
- Sayyid Qutb. 2010. *Tafsir Fi Zilalil Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Siti Patonah Mohamad, M.Y. Zulkifli Mohd Yusoff dan Durriyah Sharifah Hasan Adli. 2013. Terapi Bunyi Melalui Bacaan Al-Quran Bagi Masalah Emosi dan Kemahiran Motor Pertuturan Kanak-kanak Autistik. *International Journal of Quranic Research*. Disember. 5(2): 53-72.
- Siti Patonah Mohamad, M.Y. Zulkifli Mohd Yusoff dan Durriyah Sharifah Hasan Adli. 2014. Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran bagi Golongan Kelainan Upaya Mental: Analisis dari Sumber Tradisi Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Jun. 158-168.
- Wan Faridah Fairus Wan Ramli. 2012. Tahap Pengetahuan dan Latihan Guru Pendidikan Khas Tentang Autisme. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Hisham Ahmad. 2013. *Aku Bersyukur Anakku Autisme*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Yasmin Hussain. 2013. *Terapi Dalam Pendidikan Khas*. Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.